

ANALISIS PERBANDINGAN KESALAHAN DAN HUKUMAN BERKAITAN DENGAN ZAKAT DALAM ENAKMEN KESALAHAN JENYAH SYARIAH NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

(Comparative Analysis of Offences and Punishments Related to Zakat in the Syariah Criminal Offences Enactment of the States of Malaysia)

Muhammad Hafiz Badarulzaman
mdhafiz@uum.edu.my

Pusat Pengajian Undang-undang,
Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia.

Siti Nabilah Sulaiman
nabilahsulaiman87@gmail.com

Pusat Pengajian Perniagaan Othman Yeop Abdullah,
Universiti Utara Malaysia.

Published online: 1 January 2019

To cite: Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman. (2019). Analisis perbandingan kesalahan dan hukuman berkaitan dengan zakat dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 86 – 104.

Abstrak

Enakmen negeri merupakan suatu set undang-undang yang digubal dan diluluskan pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh Malaysia. Artikel ini bertujuan menganalisis kesalahan dan hukuman berkaitan dengan zakat berdasarkan enakmen negeri dengan meneliti pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia, undang-undang bertulis, iaitu perlembagaan, enakmen

© Dewan Bahasa dan Pustaka. 2019. This work is licensed under the term of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)



dan undang-undang subsidiari, serta kajian sejarah perundangan zakat di Malaysia. Kajian yang dilakukan bersifat kualitatif dan menggunakan kaedah kajian sejarah dan kajian perbandingan. Dapatan kajian dianalisis menggunakan teknik deskriptif, iaitu jadual dan carta, serta analisis berbentuk nisbah dan kadar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan dari segi kesalahan dan hukuman antara enakmen kesalahan jenayah negeri-negeri di Malaysia.

Kata kunci: zakat, enakmen, Majlis Agama Islam Negeri, undang-undang syariah

Abstract

State enactments are sets of laws enacted and passed at the State Legislative Assembly (Dewan Undangan Negeri, DUN) in Malaysia. This article intends to analyze the offences and punishments that relate to zakat (poor tax) based on state enactments. This article begins by briefly describing the administration and management of zakat in Malaysia. Next, the literature review scans the sources of written law beginning with the constitution, enactments and subsidiary laws as well as the legal study of zakat in Malaysia. As legal research, this article is qualitative in nature and employs the historical and comparative approaches. The analysis involves descriptive techniques such as tables and charts, as well as ratio and proportion analysis. In comparing state criminal offence enactments, the findings of the study show that there is a difference in offences and punishment in Malaysia.

Keywords: zakat, enactments, State Islamic Religious Council, Islamic law

PENDAHULUAN

Pengurusan dan pentadbiran zakat di Malaysia bermula semenjak zaman prapenajahan lagi. Menurut Mohamed *et al.* (1995), pengurusan zakat tidak ditadbir secara formal tetapi diletakkan di



bawah kuasa Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu setiap negeri (Adibah dan Joni Tamkin, 2015). Sehingga hari ini, semua aspek yang berkaitan dengan pentadbiran zakat berada di bawah bidang kuasa negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Bersandarkan bidang kuasa tersebut, MAIN mewujudkan beberapa buah institusi untuk melaksanakan proses kutipan dan agihan zakat. Sungguhpun begitu, beberapa institusi zakat dikorporatkan supaya menjadi sebuah institusi yang bertanggungjawab penuh terhadap kutipan dan agihan zakat di negeri tertentu kerana wujudnya desakan agar kutipan dan pengagihan dana zakat di Malaysia supaya lebih cekap dan berkesan.

Menurut Norazlina dan Abdul Rahim (2011), terdapat lapan institusi zakat di bawah MAIN dikorporatkan bermula dengan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan pada tahun 1991, diikuti oleh Pusat Zakat Selangor, Pahang dan Pulau Pinang pada tahun 1995, Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan dan Melaka pada tahun 2000, Tabung Baitulmal Sarawak pada tahun 2001 dan yang terakhir, Pusat Zakat Sabah yang dikorporatkan pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, setakat ini, hanya Selangor, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah yang dikorporatkan sepenuhnya, iaitu mencakupi urusan kutipan dan juga agihan.

Kesemua institusi yang mentadbir dan menguruskan zakat tertakluk pada sistem perundangan di Malaysia, iaitu undang-undang syariah yang terletak di bawah bidang kuasa negeri menerusi penggubalan enakmen pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN). Enakmen yang diluluskan dan diwartakan, terutamanya yang berkaitan zakat diguna pakai oleh MAIN. Oleh sebab itu, setiap enakmen negeri yang ditadbir oleh MAIN berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap enakmen negeri di Malaysia, terdapat empat perkara penting yang akan dibahasakan mencakupi bidang kuasa pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia, enakmen khusus yang berkaitan dengan zakat, enakmen yang berkaitan dengan kesalahan zakat dan hukumannya, serta analisis terhadap undang-undang subsidiari yang menjelaskan enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri di seluruh Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Antara sumber undang-undang dalam sistem perundangan di Malaysia termasuklah undang-undang bertulis (Noor Aziah, 2008). Undang-undang bertulis terdiri daripada perlembagaan persekutuan, perlembagaan negeri, statut, enakmen, undang-undang subsidiari dan undang-undang kecil (Ahmad dan Ahilemah, 2002). Meskipun Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara, hal ehwal agama Islam tetap tertakluk pada bidang kuasa negeri seperti yang termaktub dalam jadual sembilan, senarai II - senarai negeri, perenggan 1 Perlembagaan Persekutuan:

... hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam negeri; adat Melayu; zakat, fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini ...

Berdasarkan perenggan ini difahami bahawa segala peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan hukum syarak dari segi undang-undang diri dan keluarga, terutamanya zakat bagi orang yang menganut agama Islam yang tidak termasuk dalam Senarai Persekutuan akan ditadbir dan diuruskan oleh MAIN. Terdapat empat belas MAIN di seluruh Malaysia, iaitu satu MAIN bagi setiap negeri (tiga belas negeri) dan satu MAIN untuk wilayah persekutuan. Setiap MAIN bertanggungjawab untuk mentadbir zakat melalui

kutipan dan agihan (Azizah dan Abd. Halim, 2009). Senarai MAIN berdasarkan zon di Malaysia adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan bahawa pentadbiran agama Islam di zon utara terdiri daripada Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, manakala zon tengah hanya melibatkan Wilayah Persekutuan dan Selangor. Pentadbiran agama Islam yang melibatkan zon selatan pula meliputi Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, manakala zon timur ditadbir oleh Kelantan, Terengganu dan Pahang. Sementara itu, Sabah dan Sarawak masing-masing mewakili zon Sabah Sarawak. Pembahagian zon dalam artikel ini bertujuan memudahkan analisis dan perbincangan.

Merujuk jadual sembilan, senarai II - senarai negeri, perenggan 1, mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa terhadap sebarang pertikaian berkaitan dengan hal ehwal agama Islam, terutamanya zakat yang melibatkan orang yang beragama Islam. Hal ini selaras

Jadual 1 Senarai Majlis Agama Islam Negeri berdasarkan zon di Malaysia.

Majlis Agama Islam Negeri	Zon
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Selatan
Majlis Agama Islam Melaka	Selatan
Majlis Agama Islam Selangor	Tengah
Majlis Agama Islam Johor	Selatan
Majlis Agama Islam Perlis	Utara
Majlis Agama Islam Kedah	Utara
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	Tengah
Majlis Agama Islam Pulau Pinang	Utara
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	Timur
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan	Timur
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak	Utara
Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	Timur
Majlis/Jabatan Agama Islam Sarawak	Sabah/Sarawak
Majlis/Jabatan Uagama Islam Sabah	Sabah/Sarawak



dengan bidang kuasa mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang menyatakan:

Mahkamah syariah yang ditubuhkan dengan sepenuhnya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu per satu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:

Dengan syarat bahawa bidang kuasa sedemikian tidaklah boleh dijalankan berkenaan dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi lima ribu ringgit atau sebatan melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Peruntukan ini dengan jelas menunjukkan bahawa mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa terhadap hal yang melibatkan penganut agama Islam termasuklah bagi sebarang kesalahan yang melanggar rukun Islam dan mana-mana undang-undang bertulis dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM5000 atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman tersebut.

Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan pula menjelaskan bahawa sidang DUN mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan Senarai Dua, termasuklah zakat yang boleh didengari oleh mahkamah syariah seperti yang dijelaskan dalam perenggan berikut:

(2) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana perkara lain, badan perundangan sesuatu negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu per satu



dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Berdasarkan beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti yang dibincangkan, difahami bahawa undang-undang syariah berada di bawah bidang kuasa negeri. Negeri boleh membuat undang-undang yang dikenali sebagai enakmen melalui usul yang dibawa oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Apabila usul tersebut diterima, maka usul tersebut akan melalui beberapa proses bacaan sebagai rang undang-undang (RUU). Setelah selesai proses bacaan dan dipersetujui secara kolektif oleh semua ADUN di sidang DUN, RUU tersebut akan diwartakan dan digazetkan sebagai enakmen. Dalam konteks perbincangan artikel ini, enakmen yang berkaitan dengan undang-undang syariah akan menentukan sistem perundangan zakat negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Menurut Ahmad Hidayat (2006), Enakmen Kutipan Zakat Kelantan 1927 No. 4 merupakan undang-undang pertama yang dikanunkan meskipun dimansuhkan pada hari ini. Enakmen Zakat Kedah 1955 (No. 4) pula merupakan satu-satunya undang-undang khusus yang berkaitan dengan zakat yang kekal sehingga hari ini sejak digazetkan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan selepas melalui beberapa pindaan pada tahun 1962 dan 1982 (Muhammad Hafiz *et al.*, 2015). Walau bagaimanapun, enakmen tersebut dipinda menjadi Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman 2015. Oleh itu, dirumuskan bahawa setiap negeri di seluruh Malaysia mempunyai enakmen yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan zakat. Namun, enakmen tersebut pelbagai dan sesetengahnya mempunyai persamaan dan sesetengahnya yang lain mempunyai perbezaan dari segi peruntukan atau seksyen yang khusus mahupun kewujudan undang-undang subsidiari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian undang-undang sering dirujuk sebagai kajian yang sistemik terhadap undang-undang, masalah perundangan, kombinasi tertentu atau kesemuanya (Anwarul, 2007). Oleh itu, artikel ini dianalisis menggunakan kaedah kajian undang-undang dengan merujuk peruntukan undang-undang yang terdapat dalam enakmen negeri

dan undang-undang subsidiari. Kajian dalam artikel ini bersifat kualitatif dan tidak menggunakan teknik statistik kuantitatif (David, 2010). Kaedah kajian sejarah, iaitu melihat asal usul sesebuah institusi itu ditubuhkan atau melihat cara sesuatu peruntukan digubal turut digunakan dengan meneliti tahun gubalan sesebuah enakmen dan tahun penubuhan sesebuah institusi. Selain itu, kajian perbandingan juga diguna pakai bagi mengkaji titik persamaan dan perbezaan antara dua situasi dalam sistem undang-undang yang sama (Anwarul, 2007). Kajian perbandingan dibuat antara satu enakmen negeri dengan enakmen negeri yang lain yang terletak di bawah undang-undang syariah.

Data primer yang digunakan dalam kajian ini ialah enakmen negeri dan perundangan kecil yang dirujuk melalui laman portal *E-Syariah* yang diselia oleh Jabatan Kehakiman dan Syariah Malaysia (JKSM). Walau bagaimanapun, data yang diperoleh ini tidak lengkap sepenuhnya dan dua data lain yang turut dirujuk ialah portal *LawNet* yang diselia oleh Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), iaitu sebuah percetakan rasmi undang-undang milik kerajaan persekutuan dan portal milik MAIN supaya data tersebut lengkap dan boleh dianalisis. Kajian kepustakaan turut dilaksanakan dengan menganalisis data sekunder seperti buku, jurnal dan laporan undang-undang bagi menyokong data primer.

Instrumen yang diguna pakai ialah analisis dokumen. Semua dokumen yang dianalisis ialah dokumen rasmi yang meliputi enakmen negeri dan undang-undang subsidiari yang diperoleh secara dalam talian. Analisis dapatan kajian ini dibuat menggunakan teknik deskriptif, iaitu jadual dan carta, serta nisbah dan kadar. Nisbah dan kadar diukur dengan melihat perbezaan dan persamaan antara dokumen. Kadar peratusan yang dihitung pula adalah berdasarkan jumlah keseluruhan sampel yang diguna pakai, iaitu empat belas negeri yang mewakili seratus peratus (100%). Mana-mana negeri yang mempunyai perbezaan dan persamaan sama ada secara berkumpulan mahupun berdiri secara persendirian akan dihitung secara pembahagian peratusan daripada 14 negeri. Kajian ini membuat andaian bahawa semua data yang diperoleh adalah daripada sumber kajian yang benar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia

Enakmen kesalahan jenayah, khususnya zakat dikuatkuasakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Muhammad Hafiz *et al.*, 2016). JAIN merupakan badan berkuasa agama yang bertanggungjawab terhadap MAIN. Hampir seluruh enakmen negeri memperuntukkan bahawa Pengarah atau Yang Dipertua JAIN akan menjadi ahli MAIN. Bahkan, kriteria Pengarah atau Yang Dipertua JAIN dinyatakan secara jelas dalam enakmen negeri. Sebagai ilustrasi, seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis) menyatakan:

Majlis boleh melantik dalam kalangan anggota perkhidmatan awam negeri Perlis seorang Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pegawai-pegawai Penguat Kuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam.

Enakmen tersebut secara jelas menyebut bahawa Pengarah atau Yang Dipertua JHEIPs mestilah dalam kalangan penjawat awam yang akan dibantu oleh Pegawai-pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) bagi menjalankan siasatan, pendakwaan, penguatkuasaan dan tangkapan bagi kesalahan yang dinyatakan dalam mana-mana undang-undang bertulis dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis). Secara keseluruhannya, terdapat 14 buah JAIN di Malaysia yang bertanggungjawab terhadap perkara yang berkaitan dengan agama Islam yang dapat dilihat melalui Jadual 2.

Hampir keseluruhan JAIN mempunyai bahagian yang hampir sama di bawah jabatan masing-masing. Bahagian tersebut mencakupi bahagian dakwah, pengurusan, pendidikan, pengurusan masjid dan surau, penguatkuasaan, pendakwaan dan undang-undang keluarga. Setiap bahagian ini memenuhi kehendak dan semangat yang termaktub dalam perlembagaan (jadual sembilan, Perlembagaan Persekutuan). Antara bidang tugas utama di bawah JAIN ialah bahagian penguatkuasaan yang bertanggungjawab

Jadual 2 Senarai jabatan agama Islam negeri.

Negeri	Jabatan Agama Islam Negeri
Perlis	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JHEIPs)
Kedah	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK)
Perak	Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)
Pulau Pinang	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP)
Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
Wilayah Persekutuan	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
Negeri Sembilan	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)
Melaka	Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)
Johor	Jabatan Agama Islam Johor (JAINJ)
Pahang	Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)
Terengganu	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)
Kelantan	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)
Sabah	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Sarawak	Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)

dalam urusan pencegahan kemungkarannya dan penguatkuasaan hukum syarak (Alias *et al.*, 2015). Penguatkuasaan hukum syarak meliputi enakmen kesalahan jenayah syariah, terutamanya zakat. JAIN yang akan diketuai oleh pengarah atau Yang Dipertua akan dibantu oleh PPA, termasuklah pegawai masjid yang terdiri daripada naqib masjid, imam, imam ratib, bilal dan pembantu bilal (Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007). Semua pegawai tertakluk pada beberapa peraturan dan undang-undang yang digariskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebelum menguatkuasakan enakmen kesalahan jenayah syariah (Rujuk Jadual 3).

Berdasarkan enakmen yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat, terdapat perbezaan dari segi kesalahan dan hukuman antara 14 buah negeri. Sebanyak sembilan buah negeri (64.29%) mempunyai peruntukan yang berkaitan dengan

Jadual 3 Senarai peraturan yang digubal oleh JAKIM.

Peraturan	Tahun
Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri	2007
Kod Etika Pegawai Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Negeri	2008
Arahan Ketua Pendakwa Syarii	2011

kesalahan dan hukuman zakat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri masing-masing. Jadual 4 menunjukkan bahawa negeri tersebut terdiri daripada Pulau Pinang, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Johor, Terengganu dan Sarawak. Enakmen kesalahan jenayah syariah yang paling lama menguatkuasakan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengan zakat ialah negeri Melaka, iaitu pada tahun 1991, manakala enakmen negeri yang baru sahaja dikuatkuasakan ialah Sarawak dan Terengganu, iaitu pada tahun 2001.

Jadual 4 Enakmen yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat.

Negeri	Enakmen	Bahagian
Terengganu	Enakmen 7 Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Bahagian V - Kesalahan yang Berhubung dengan Keadilan dan Ketenteraman Awam
Sarawak	Ordinan 46 Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Bahagian V - Kesalahan Pelbagai
Perak	Enakmen 3 Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Bahagian IV - Kesalahan yang Berhubung dengan Maruah Agama dan Institusinya
Pulau Pinang	Enakmen 3 Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996	Bahagian III - Kesalahan yang Berhubung dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya
Negeri Sembilan	Enakmen 4 Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992	Bahagian IV - Kesalahan Darihal Pelbagai Kesalahan dan Saksi untuk Mendakwa

sambungan **Jadual 4**

Negeri	Enakmen	Bahagian
Melaka	Enakmen 6 Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Bahagian IV - Kesalahan-kesalahan Lain
Johor	Enakmen 4 Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Bahagian III - Kesalahan yang berhubung dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya
Selangor	Enakmen 9 Tahun 1995 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Bahagian III - Kesalahan yang berhubung dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya
Pahang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Bahagian V - Kesalahan Pelbagai

Sementara itu, wilayah persekutuan merupakan satu-satunya negeri (7.14%) yang mengguna pakai akta kesalahan jenayah syariah yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat seperti dalam Jadual 2. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana faktor sejarah dan kedudukan wilayah persekutuan yang tidak mempunyai sistem raja dan Yang Dipertua Negeri. Segala cadangan undang-undang yang berkaitan dengan agama sekiranya ingin dikuatkuasakan perlu dibentangkan dan mendapat kelulusan parlimen.

Di samping itu, sebanyak dua buah negeri, iaitu 21.43 peratus tidak mempunyai peruntukan khusus yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat dalam enakmen kesalahan jenayah syariah. Negeri tersebut ialah Perlis dan Kedah seperti dalam Jadual 6.

Jadual 5 Akta kesalahan jenayah syariah.

Negeri	Enakmen	Bahagian
Wilayah-wilayah Persekutuan	Akta 559 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997	Bahagian III - Kesalahan yang Berhubung dengan Kesucian Agama Islam dan Institusinya

Peruntukan yang berkaitan dengan negeri Perlis ialah seksyen 30, iaitu kesalahan tidak menyerahkan wang yang dipungut merangkumi wang baitul mal, wakaf, zakat, fitrah dan derma dianggap melakukan kesalahan yang boleh didenda tidak melebihi RM5000 dan penjara tidak melebihi tiga tahun. Di negeri Kedah pula, kesalahan zakat boleh dirujuk melalui seksyen 15, iaitu menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama. Subseksyen 2 menyatakan:

Mana-mana orang yang dengan apa-apa cara mencegah orang lain daripada membayar zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Subseksyen ini bermaksud sekiranya seseorang menghasut seseorang yang lain untuk tidak membayar zakat, maka orang tersebut boleh didenda tidak melebihi RM2000 atau dipenjarakan tidak lebih setahun. Kelantan dan Sabah (21.43%) pula merupakan dua buah negeri yang menggunakan enakmen lain untuk mendakwa kesalahan yang berkaitan dengan zakat. Kelantan memperuntukkan kesalahan zakat di bawah Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 melalui seksyen 106 bagi kesalahan tidak membayar zakat. Seseorang itu jika disabitkan kesalahan tidak membayar zakat boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Jadual 6 Negeri yang menggunakan peruntukan lain dalam enakmen kesalahan jenayah syariah.

Negeri	Enakmen	Seksyen dan Huraian
Perlis	Enakmen Jenayah dalam Syarak (Pindaan) 2007	Seksyen 30. Tidak menyerahkan wang atau harta yang dipungut.
Kedah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2014	Seksyen 15, iaitu menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama.


Sementara itu, Sabah merupakan negeri yang menggunakan Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 dan mempunyai 15 peruntukan berkaitan dengan kesalahan zakat. Peruntukan tersebut bermula dari seksyen 58 hingga seksyen 73. Kesalahan zakat dalam enakmen tersebut merangkumi kesalahan pembayar zakat dan amil, serta kuasa yang diberikan kepada pendakwa untuk mendakwa kesalahan zakat. Negeri Sabah juga merupakan negeri yang paling banyak mempunyai peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan zakat di Malaysia.

Jadual 7 Peruntukan kesalahan dalam enakmen lain.

Negeri	Enakmen
Sabah	Enakmen Zakat dan Fitrah 1993
Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994

Secara keseluruhannya, peratusan perbezaan penggunaan set undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat adalah seperti yang terdapat dalam Rajah 1. Terdapat sembilan buah negeri (64.29%) yang mempunyai peruntukan khusus yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri, dua buah negeri (14.29%) menggunakan peruntukan lain bagi kesalahan zakat dan hukumannya dalam enakmen kesalahan jenayah syariah, dua

Rajah 1 Perbezaan penggunaan peruntukan dalam enakmen dan akta.



buah negeri (14.29%) lagi pula mengguna pakai kesalahan zakat dan hukumannya dalam enakmen khusus yang berkaitan dengan zakat, serta hanya satu negeri (7.13%) yang mengguna pakai akta kesalahan jenayah syariah yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat.

UNDANG-UNDANG SUBSIDIARI ZAKAT

Undang-undang subsidiari pada peringkat negeri ialah undang-undang yang diwujudkan bagi menerangkan secara terperinci sesebuah enakmen negeri. Undang-undang subsidiari tersebut selalunya dikenali melalui penggunaan perkataan peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah. Antara undang-undang subsidiari di bawah enakmen negeri yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran zakat adalah seperti yang berikut:

Jadual 8 Undang-undang subsidiari zakat.

Negeri	Undang-undang Subsidiari Zakat
Melaka	Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982
Pahang	Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pindaan) 2001
Sarawak	Undang-undang Zakat dan Fitrah 1970
Selangor	Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012

Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal (Melaka) 1982 mengandungi 18 peraturan, bermula dengan penubuhan LUKMAL (Lembaga Urusan Wakaf, Zakat dan Baitulmal), proses lantikan dan pembatalan lantikan, prosedur mesyuarat sehinggalah yang melibatkan hal kewangan. Walau bagaimanapun, peraturan ini menjadi satu-satunya undang-undang subsidiari yang tidak menyatakan kesalahan dan penalti, termasuklah nisab zakat, tanggungjawab amil, serta hal yang berkaitan dengan kutipan dan agihan.

Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) 2001 pula merupakan kaedah yang dikanunkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-



undang Islam 1991. Terdapat 10 kaedah yang bermula dengan nama kaedah, tarif amil, kewajipan bayaran zakat dan fitrah, kewajipan dan kuasa kadi, serta kewajipan dan kuasa Yang Dipertua MAIN. Kaedah ini merupakan kaedah yang ringkas dan tidak mempunyai tafsiran yang berkaitan dengan jenis zakat, nisab, serta kesalahan dan penalti. Sementara itu, Undang-undang Zakat dan Fitrah (Sarawak) 1970 yang dahulunya dikenali sebagai Undang-undang Zakat dan Fitrah 1966 (mempunyai 21 peraturan dan satu jadual) dipinda pada tahun 1970. Enakmen ini memuatkan peraturan pertama yang khusus untuk orang yang beragama Islam, disusuli dengan Tabung Zakat dan Fitrah, peranan MAIN, pelantikan amil, hal kewangan, serta kesalahan dan penalti.

Undang-undang subsidiari yang terakhir seperti yang termaktub melalui carian Portal E-Syariah ialah Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 merupakan peraturan yang dikuatkuasakan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Undang-undang subsidiari ini mengandungi 63 peraturan dengan dua jadual dan 14 bahagian. Antara bahagian tersebut termasuklah permulaan, kuasa majlis untuk memungut dan mengagihkan, pentadbiran zakat dan fitrah, pelantikan amil dan ejen, zakat, zakat harta dan pendapatan, fitrah, notis dan pemberitahuan zakat, taksiran zakat, semakan semula dan rayuan, pengagihan, kesalahan dan penalti, kewangan dan bahagian am. Berdasarkan peraturan 4, majlis melantik Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk mentadbir dan menguruskan semua perkara yang berhubung dengan zakat dan fitrah di Selangor. Oleh yang demikian, segala urusan yang berkaitan dengan zakat perlu dirujuk kepada LZS. Oleh itu, sehingga kini, Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 boleh dianggap yang terbaik dan komprehensif dalam kalangan jenis undang-undang subsidiari zakat.

KESIMPULAN

Sistem perundangan zakat telah wujud di Malaysia sejak penjajahan British lagi. Terdapat pelbagai kajian yang menunjukkan bukti kewujudan sistem tersebut yang kini berkembang, serta dikanunkan



dan diwartakan sebagai undang-undang di setiap negeri. Hampir setiap negeri mempunyai enakmen kesalahan jenayah syariahnya tetapi tidak semua negeri mempunyai peruntukan khusus yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat.

Oleh itu, dicadangkan agar peruntukan khusus yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat diwujudkan dalam setiap enakmen negeri di seluruh Malaysia. Penggubalan peruntukan khusus yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman zakat diharap dapat meningkatkan sistem kutipan dan agihan zakat supaya menjadi lebih efisien dan sistematik. Bagi negeri yang sudah mempunyai peruntukan, kaedah hukuman dan penguatkuasaannya hendaklah dilaksanakan kerana sejarah telah membuktikan keberkesanannya.

RUJUKAN

- Adibah Abd. Wahab dan Joni Tamkin Borhan. (2015). Analisis prestasi kutipan zakat di Malaysia. *In* Nor Aini Ali, Azizi Che Seman, & Mohamad Taqiuddin Mohamad (Eds.), *Isu kontemporari pengurusan dan pembayaran zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: MAIWP.
- Ahmad Hidayat Buang. (2006). Dilema perundangan zakat di Malaysia: Antara penguatkuasaan dan strategi pujukan/galakan/insentif membayar zakat. *In* Abd. Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (Eds.), *Zakat: Pensyariaan, perekonomian dan perundangan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Ibrahim, & Ahilemah Joned. (2002). *Sistem undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman, Fauziah Mohd. Noor, & Shuhairimi Abdullah. (2015). *Khalwat menurut hukum Islam dan undang-undang jenayah syariah di Malaysia: Satu tinjauan*. Paper presented at The 8th UUM International Legal Conference 2015. Sintok: UUM Press.
- Anwarul Yaqin. (2007). *Legal research and writing*. Kelana Jaya: Lexis Nexis.
- Azizah Dolah, & Abd. Halim Mohd. Noor. (2009). Kaitan zakat dan cukai

- di Malaysia. In Abd. Halim Mohd. Noor *et al.* (Eds.). *Pengintegrasian zakat dan cukai di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- David Silverman. (2010). *Doing Qualitative Research*. London: Sage Publication Ltd.
- Enakmen Jenayah dalam Syarak (Pindaan) (Perlis) 2007.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah) 2014.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013.
- Enakmen 3 Enakmen Jenayah (Syariah) (Perak) 1992.
- Enakmen 3 Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen 4 Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992.
- Enakmen 4 Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.
- Enakmen 6 Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.
- Enakmen 7 Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
- Enakmen 9 Tahun 1995 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pindaan) (Pahang) 2001.
- Mohamed Abd. Wahab *et al.* (1995). Malaysia: A case study of zakah management. In el-Ashker, & Sirajul Haw (Eds.), *Institutional Framework of zakah: Dimensions and Implications*. Jedah: IRTI/IDB.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar, & Che Thalbi Md. Ismail. (2015). Isu perundangan zakat perbankan di sebuah institusi perbankan Islam terpilih Malaysia. In Abd. Halim Mohd. Noor, & Mohamed Saladin Abdul Rasool (Eds.), *Fiqh zakat: Addressing fiqh zakat issues in the contemporary world*. Melaka: IKaZ.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar, & Che Thalbi Md. Ismail. (2015). *Pengurusan zakat perbankan di Jabatan Zakat Negeri Kedah: Satu tinjauan*. Paper presented at The 8th UUM International Legal Conference 2015. Sintok: UUM Press.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar, Shuhairimi Abdullah, Mohammad Azam Hussain, & Fauziah Mohd. Noor. (2016). *Amalan hisbah di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri: Tinjauan terhadap peranan pegawai-pegawai penguat kuasa agama*. Paper presented at The 5th International Conference of Law and Society (ICLAS V). Kuala Terengganu: UNISZA.
- Noor Aziah Mohd. Awal. (2008). *Pengenalan kepada sistem perundangan di Malaysia*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Norazlina Abd. Wahab, & Abdul Rahim Abdul Rahman. (2011). *Efficiency and governance of zakat institutions*. Paper presented at World Universities 1st Zakat Conference, Kuala Lumpur, 22 – 24 November.

Ordinan 46 Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001.

Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982.

In el-Ashker, & Sirajul Haw (Eds.), *Institutional framework of zakah: Dimensions and implications*. Jedah: IRTI/IDB.

Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012.

Portal E-Shariah, *Enakmen/Ordinan/Akta Mahkamah Syariah*. Retrieved from <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/undang2009.nsf/listspls?OpenForm> at 15 Mac 2016.

Undang-undang Zakat dan Fitrah (Sarawak) 1970.

Diperoleh (*Received*): 25 Oktober 2017

Diterima (*Accepted*): 28 Februari 2018